



BUKU USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11



**Usah dirungut letihnya berusaha,
kerana dari situlah adanya kejayaan**



Untuk
**KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH
ANGKASA BERHAD**
Hak Cipta © 2025 KOPSYA
Hak Cipta gambar-gambar © 2025
Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad

Unit 209-509
Block C, Glomac Business Center
No. 10, Jalan SS 6/1
Kelana Jaya, 47301
Petaling Jaya, Selangor

03-7803 1214

03-7803 1204

www.kopsya.coop

Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa
Berhad - KOPSYA

Cetakan Pertama 2025
**Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad
(KOPSYA) 2025**

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun sama ada secara mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Anggota Lembaga Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad.



RASIONAL KULIT BUKU

Gambar pada kulit Buku Usul Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-11 menunjukkan bendera yang berkibar megah bermotifkan logo KOPSYA di atas puncak gunung yang berlatarbelakangkan langit biru yang dipenuhi awan dan dipayungi matahari panas terik.

lanya menggambarkan satu pencapaian yang dikecapi oleh KOPSYA meskipun pelbagai rintangan ditempuhi. KOPSYA menunjukkan kejayaan hasil kerja keras, seperti pepatah “Usah dirungut letihnya berusaha, kerana dari situlah adanya kejayaan.”

Secara ringkas, ia mencerminkan usaha berterusan melalui perancangan jangka panjang, pemikiran kreatif dengan perniagaan yang berasaskan prinsip Islam yang semuanya bertujuan membawa Koperasi Anggota ke arah kejayaan bersama.

BUKU USUL

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

ISI KANDUNGAN

SENARAI JAWATANKUASA USUL	2
.....	
USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL	3

SENARAI JAWATANKUASA USUL

Jawatankuasa Usul Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA Ke-11 2025 adalah seperti berikut:-

1. Datuk Haji Mohamad Ali Bin Hasan (Pengerusi)
2. Tuan DSP (B) Suhaimi Bin Haji Ahmad
3. Dr. Haji Wan Mohtar Bin Wan Yusoff
4. Puan Hajah Riguan Binti Rashidi
5. Tuan Haji Shaarani Bin Abd Rahman

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

KOPSYA telah menerima 22 Usul sehingga 21 Mac 2025 daripada 11 Koperasi Anggota. Tiada pindaan dibuat pada mana-mana Usul walaupun terdapat ejaan dan tatabahasa bagi menghormati setiap Usul yang diterima. Terdapat juga beberapa Koperasi Anggota yang menghantar Usul yang sama.

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
1	KOPSYA memberi pertimbangan yang lebih mudah kepada permohonan-permohonan pinjaman bagi perlaksanaan projek yang menguntungkan seperti pinjaman pembelian rumah yang bercagar.	Koperasi Kontraktor Melayu Johor Berhad	KOPSYA sedia membantu Koperasi Anggota dari segi pembiayaan untuk projek-projek yang berdaya maju dan mempunyai cagaran tertakluk kepada terma dan syarat pembiayaan KOPSYA.
2	Menaikkan Keuntungan Ar-Rahnu kepada 2% (Mohon SKM).	Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad	KOPSYA akan membuat Usul dan Usul tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA).
3	Memastikan ANGKASA sebagai Apeks dalam Akta Koperasi baru (SKM).		KOPSYA akan menggunakan platform ANGKASA untuk dijadikan resolusi yang akan dibawa ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menaikkan keuntungan bulanan Ar-Rahnu dari 1% ke 1.5% sehingga 2%.
4	Pemberian cenderahati hendaklah diberi sepasang pakaian ikut warna logo KOPSYA – bagi lelaki baju korporat dan wanita kain pasang.	Koperasi Bersatu Gading Ledang Berhad	Mohon koperasi majukan Usul ini kepada ANGKASA.
			Setiap tahun KOPSYA membuat peruntukan untuk cenderahati selain daripada sepasang pakaian kepada semua perwakilan yang hadir.

BUKU USUL

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
5	Buku penyata KOPSYA hendaklah diberi kepada Anggota yang hadir.	Koperasi Bersatu Gading Ledang Berhad	KOPSYA dalam usaha untuk menuju ke arah digitalisasi. KOPSYA akan memuat naik semua buku di laman sesawang https://kopsya.coop/mapt-ke-11/ Buku-buku adalah seperti berikut:- - Buku Laporan Tahunan 2024 - Buku Minit Mesyuarat - Buku Pencalonan - Buku Usul
6	Elaun Mesyuarat Agung KOPSYA tahunan hendaklah dinaikkan daripada RM600.00 kepada RM800.00.		Elaun Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA ke-10 yang diadakan pada 25 Mei 2024 adalah sebanyak RM500.00. Jumlah tersebut dikira munasabah memandangkan KOPSYA masih dalam fasa perkembangan untuk merealisasikan visi untuk menjadi sebuah koperasi kewangan Islam unggul global.
7	Mesyuarat (MAT) KOPSYA hendaklah dibuat secara fizikal pada tahun hadapan (2027) dan seterusnya setiap tahun.		Kehadiran secara hibrid ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) adalah selaras dengan Arahan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 31 Mac 2021 dan terpakai sehingga kini. Pelaksanaan mesyuarat secara hibrid boleh meningkatkan penglibatan secara langsung Koperasi Anggota di seluruh Malaysia kerana ia menawarkan fleksibiliti, akses yang mudah serta penjimatan kos perjalanan.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
8	Mencadangkan KOPSYA menyediakan kemudahan pinjaman kepada ahli dengan akses internan dengan mudah dan cepat tidak perlu mengisi borang fizikal. Permohonan boleh dibuat melalui web sahaja. Segala bayaran dan kemajuan perniagaan untung rugi boleh dilihat terus melalui web portal KOPSYA. Apa yang penting ahli bayar pinjaman tanpa gagal pada tempoh ditetapkan.	Koperasi Keluarga Mokhtar Al Jawahir Pontian Berhad	Pembiayaan projek kepada Koperasi Anggota memerlukan perjumpaan secara fizikal termasuk membuat lawatan tapak. Beberapa perkara penting perlu dipastikan dalam lawatan tapak seperti berikut; - Gambaran yang jelas mengenai projek yang dijalankan. - Menilai risiko pembiayaan projek. - Melihat suasana persekitaran. lanya bagi memastikan projek yang dijalankan berdaya maju.
9	Memohon KOPSYA mewujudkan satu skim khas pembiayaan mudah untuk koperasi wanita yang ingin mengembang dan meluaskan perniagaan mereka.	Koperasi Keluarga Haji Abdul Latif Seremban Berhad	KOPSYA mengalu-alukan permohonan pembiayaan daripada semua koperasi tidak terhad kepada koperasi wanita asalkan aktiviti perniagaan tersebut berpotensi. Pembiayaan tersebut tertakluk kepada terma dan syarat.
10	Memohon KOPSYA memberi pertimbangan khusus kepada koperasi mikro untuk mendapat pembiayaan terutama kepada koperasi yang tidak pernah menerima sebarang pembiayaan daripada KOPSYA.		KOPSYA memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua permohonan kepada koperasi asalkan aktiviti perniagaan tersebut berpotensi. Pembiayaan tersebut tertakluk kepada terma dan syarat.
11	Pemilikan hartanah oleh Koperasi dan seterusnya kepada ahli-ahli akan memberi kesan yang besar dari segi ekonomi dan geo-politik masyarakat. Diusulkan diperbanyakkan peruntukan dan permudahkan permohonan kepada anggota ahli.	Koperasi Tasek Gelugor Pulau Pinang Berhad	KOPSYA sedia membantu koperasi dari segi pembiayaan untuk membeli hartanah mengikut kepada terma dan syarat pembiayaan KOPSYA.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
12	Memohon supaya KOPSYA menjadi koperasi bank ANGKASA	Koperasi Perumahan Awam Malaysia (KOPAMA) Berhad	Kelayakan untuk menjadi sebuah bank memerlukan modal syer anggota berjumlah RM300 juta berdasarkan Seksyen 12(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Bank Negara Malaysia. KOPSYA sehingga 31 Disember 2024 hanya mempunyai modal syer anggota sebanyak RM68,974,601 sahaja. Walau bagaimanapun, KOPSYA tetap menjalankan aktiviti Perbankan Islam. KOPSYA memohon koperasi baru menganggotai KOPSYA dan Koperasi Anggota sedia ada membuat penambahan syer bagi memastikan keperluan menjadi sebuah bank tercapai.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
13	KOPUBI Perak Bhd mengusulkan agar bilangan Anggota Lembaga dikurangkan dari 15 kepada 9 orang sahaja. Ini bagi memastikan setiap ahli lembaga dapat memaksimakan peranan masing-masing dan di dalam masa yang sama akan menjimatkan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung setiap tahun.	Koperasi Usahawan Bersatu Ipoh Perak Berhad	Sejak penubuhan, jumlah Anggota Lembaga KOPSYA mengandungi 15 orang. KOPSYA memperolehi peningkatan pendapatan yang membanggakan dan sehingga tahun 2024 adalah sebanyak RM32.1 juta. 15 orang Anggota Lembaga sedia ada tidak menerima sebarang elaun tetap dan dibayar mengikut kehadiran mesyuarat. Setiap Anggota Lembaga mempunyai tanggungjawab tambahan di dalam Jawatankuasa Kecil seperti berikut:- - Jawatankuasa Kerja. - Jawatankuasa Keanggotaan, Syer dan Promosi. - Jawatankuasa Risiko dan Integriti. - Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan. - Jawatankuasa Ar-Rahnu. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab dengan Jawatankuasa Adhoc seperti berikut:- - Jawatankuasa Sumber Manusia. - Jawatankuasa Semakan Pengurusan ISO.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
14	KOPSYA perlu mewujudkan Pusat Operasi Integrated Niaga Terancang (POINT) di Sabah sebagai Pusat Niaga yang dibina untuk semua koperasi ahli KOPSYA supaya dapat menyewa premis niaga tersebut. KOPSYA POINT ini akan berupaya menggabungkan para koprator dalam pelbagai bidang perniagaan secara in-situ, bersepadu dan terancang bagi menggarap apa sahaja peluang perniagaan yang ada di Sabah demi manfaat semua koperasi ahli KOPSYA serta para anggota koperasi. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 17)		Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.
15	KOPSYA POINT hendaklah dibina di TAWAU Sabah kerana kedudukannya yang sangat strategik sebagai pintu masuk dalam lingkungan dan jajaran perniagaan dengan negara jiran seperti Indonesia atau Filipina yang terdapat dalam Zon Ekonomi BIMP-EAGA. Oleh kerana Indonesia telah memindahkan Ibu Kotanya ke Banjarmasin di Kalimantan Selatan dengan Pembangunan yang sedang rancak maka inilah peluang terbaik kepada para koprator koperasi-koperasi ahli KOPSYA untuk memasarkan produk-produk koperasi ke Indonesia. KOPSYA boleh membina hotel dan homestay untuk menarik pelancong yang terdiri dari para koprator koperasi-koperasi negara Indonesia, Brunei dan Filipina malah dari Australia dan negara ASEAN juga akan datang ke Malaysia melalui pintu masuk Bandar Tawau. INSYAALLAAH. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 18)	Koperasi Komuniti Cocos Sabah Berhad (KKCSB)	Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
16	KOPSYA perlu membuka Ar-Rahnu dan mewujudkan skim pinjaman mudah perniagaan untuk koperasi ahli KOPSYA di KOPSYA POINT termasuk para anggota koperasi mendapatkan kemudahan pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 19)	Koperasi Komuniti Cocos Sabah Berhad (KKCSB)	KOPSYA dalam proses untuk membuka aktiviti perniagaan Ar-Rahnu pertama KOPSYA di Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor. KOPSYA akan mempertimbangkan kemudahan pembiayaan kepada koperasi yang menjalankan Ar-Rahnu jika dana dalaman mencukupi. Ini kerana keperluan pembiayaan untuk Ar-Rahnu memerlukan dana yang besar.
17	KOPSYA perlu mewujudkan Pusat Operasi Integrated Niaga Terancang (POINT) di Sabah sebagai Pusat Niaga yang dibina untuk semua koperasi ahli KOPSYA supaya dapat menyewa premis niaga tersebut. KOPSYA POINT ini akan berupaya menggabungkan para koprator dalam pelbagai bidang perniagaan secara in-situ, bersepadu dan terancang bagi menggarap apa sahaja peluang perniagaan yang ada di Sabah demi manfaat semua koperasi ahli KOPSYA serta para anggota koperasi. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 14)	Koperasi Pengguna Sabah Berhad (KPSB)	Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
18	KOPSYA POINT hendaklah dibina di TAWAU Sabah kerana kedudukannya yang sangat strategik sebagai pintu masuk dalam lingkungan dan jajaran perniagaan dengan negara jiran seperti Indonesia atau Filipina yang terdapat dalam Zon Ekonomi BIMP-EAGA. Oleh kerana Indonesia telah memindahkan Ibu Kotanya ke Banjarmasin di Kalimantan Selatan dengan Pembangunan yang sedang rancak maka inilah peluang terbaik kepada para koprator koperasi-koperasi ahli KOPSYA untuk memasarkan produk-produk koperasi ke Indonesia. KOPSYA boleh membina hotel dan homestay untuk menarik pelancong yang terdiri dari para koprator koperasi-koperasi negara Indonesia, Brunei dan Filipina malah dari Australia dan negara ASEAN juga akan datang ke Malaysia melalui pintu masuk Bandar Tawau. INSYAALLAAH. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 15)	Koperasi Pengguna Sabah Berhad (KPSB)	Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.
19	KOPSYA perlu membuka Ar-Rahnu dan mewujudkan skim pinjaman mudah perniagaan untuk koperasi ahli KOPSYA di KOPSYA POINT termasuk para anggota koperasi mendapatkan kemudahan pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan. (Usul di atas adalah sama dengan Usul No 16)		KOPSYA dalam proses untuk membuka aktiviti perniagaan Ar-Rahnu pertama KOPSYA di Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor. KOPSYA akan mempertimbangkan kemudahan pembiayaan kepada koperasi yang menjalankan Ar-Rahnu jika dana dalaman mencukupi. Ini kerana keperluan pembiayaan untuk Ar-Rahnu memerlukan dana yang besar.


USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
20	Lembaga KOPSYA perlu kerap turun padang berjumpa dan berbincang dengan ALK koperasi ahli KOPSYA di Sabah supaya dapat menilai secara langsung keperluan-keperluan aspek perniagaan untuk dibantu dan/atau dikembangkan perniagaannya demi manfaat bersama.	Koperasi Nelayan Bestari Sepanggar Berhad	KOPSYA sedia menerima jemputan koperasi di Sabah untuk melihat dan menilai projek-projek koperasi yang berdaya saing dan berpotensi untuk dimajukan.
21	KOPSYA perlu mewujudkan Pusat Operasi Integrated Niaga Terancang (POINT) di Sabah sebagai Pusat Niaga yang dibina untuk semua koperasi ahli KOPSYA supaya dapat menyewa premis niaga tersebut. KOPSYA POINT ini akan berupaya menggabungkan para koprator dalam pelbagai bidang perniagaan secara in-situ, bersepadu dan terancang bagi menggarap apa sahaja peluang perniagaan yang ada di Sabah demi manfaat semua koperasi ahli KOPSYA serta para anggota koperasi.		Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.
22	KOPSYA POINT hendaklah dibina di TAWAU Sabah kerana kedudukannya yang sangat strategik sebagai pintu masuk dalam lingkungan dan jajaran perniagaan dengan negara jiran seperti Indonesia atau Filipina yang terdapat dalam Zon Ekonomi BIMP-EAGA.		Tidak dapat dilaksanakan kerana tidak selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA berkenaan fungsi dan aktiviti KOPSYA.

USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11 DAN ULASAN JAWATANKUASA USUL

Jawatankuasa Usul Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) telah menyemak Usul-Usul yang diterima daripada Koperasi Anggota. Kesemua Usul-Usul yang diterima amat baik.

Walau bagaimanapun, KOPSYA terikat kepada Undang-undang Kecil (UUK) dan Perintah Tetap yang mensyaratkan fungsi dan aktiviti ialah perkhidmatan pembiayaan secara Islam berlandaskan Syariah.



Datuk Haji Mohamad Ali Bin Hasan

Pengerusi Jawatankuasa Usul

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA Ke-11

Tarikh : 9 April 2025



KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD

Unit 209-509

Block C, Glomac Business Center

No. 10, Jalan SS 6/1

Kelana Jaya, 47301

Petaling Jaya, Selangor

Tel : **+603-7803 1214**

Faks : **+603-7803 1204**